



**BAHAGIAN OPERASI & PEROLEHAN
NAFAS ESTATES SDN BHD (NESB)**

DOKUMEN SEBUTHARGA

**NO. SEBUTHARGA:
NESB/BOP/SB/2023/010**

**KERJA-KERJA KONTRAK DI LADANG SUNGAI KARAP, LOT 1, BLOK 24, SUNGAI
KARAP, PUYUT LAND DISTRICT BARAM, 98050 MIRI, SARAWAK
MULAI 01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024.**

**PIHAK YANG BERMINAT DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI BUTIRAN YANG
TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA SEBELUM MENGISIKANNYA**



KENYATAAN SEBUTHARGA

BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT SEBUTHARGA	PERIHAL SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP
<p>NO. SEBUTHARGA: NESB/BOP/SB/2023/010</p> <p>PERKHIDMATAN:</p> <p>KERJA-KERJA KONTRAK DI LADANG SUNGAI KARAP, LOT 1, BLOK 24, SUNGAI KARAP, PUYUT LAND DISTRICT BARAM, 98050 MIRI SARAWAK MULAI 01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024</p>	<p>TARIKH TAKLIMAT: 16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)</p> <p>PENDAFTARAN: 2:00 Petang</p> <p>MASA TAKLIMAT: 2:30 Petang</p> <p>TEMPAT TAKLIMAT: Pejabat Ladang Sungai Karap LOT 1, BLOK 24, DAERAH TANAH PUYUT, BARAM, 98050 MIRI, SARAWAK.</p> <p>KEHADIRAN: WAJIB</p>	<p>TARIKH IKLAN: 6 NOVEMBER 2023 (ISNIN)</p> <p>TARIKH PELAWAAN: 6 NOVEMBER 2023 (ISNIN)</p> <p>MASA: WAKTU PEJABAT 8.00 PAGI -1.30 PETANG 2.00 PETANG – 3.30 PETANG</p>	<p>TARIKH TUTUP: 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)</p> <p>MASA: SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI</p> <p>PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA:</p> <p>MELALUI EMAIL KE: nesb@nafas.com.my</p>

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati dan diperolehi daripada Urusetia Perolehan NAFAS Estates Sdn Bhd.
2. Kehadiran Pihak yang berminat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**
3. Sebutharga hendaklah terus sah selama tempoh **seratus dua puluh (120) hari** dari tarikh akhir bagi penyerahan Dokumen Sebutharga dan tempoh itu boleh dilanjutkan dengan persetujuan bersama jika dan apabila perlu.
4. Tawaran hendaklah email ke nesb@nafas.com.my

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PENYEBUTHARGA**1.1 KENYATAAN TAWARAN**

- 1.1.1 Dokumen Sebutharga ini dipelawa kepada kontraktor / pembekal yang **berdaftar dengan NAFAS atau Syarikat Subsidiari NAFAS atau Kementerian Kewangan atau SSM atau Sijil Pendaftaran Perniagaan Negeri Sarawak** di bawah Bidang Pengurusan dan Penyelenggaraan Ladang Kelapa Sawit.
- 1.1.2 Skop Sebutharga ini ialah **UNTUK KERJA-KERJA KONTRAK DI LADANG SUNGAI KARAP, LOT 1, BLOK 24, SUNGAI KARAP, PUYUT LAND DISTRICT BARAM, 98050 MIRI, SARAWAK MULAI 01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024.**
- 1.1.3 NAFAS Estates Sdn Bhd (NESB) adalah tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa adalah muktamad.
- 1.1.4 Sekiranya Pembekal/ Kontraktor tidak mendapat sebarang jawapan daripada NAFAS Estates Sdn Bhd dalam tempoh **tiga (3) bulan** daripada tarikh iklan ditutup maka tawaran dianggap tidak Berjaya.
- 1.1.5 Semua Dokumen Sebutharga dan apa-apa dokumen terlibat (secara fizikal atau secara digital) yang dikemukakan bersama cadangan sebutharga oleh penyebutharga adalah menjadi Hak Milik NAFAS/ NAFAS Estates Sdn Bhd dan tidak akan dikembalikan.

1.2 ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

- 1.2.1 Pihak yang berminat mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan memiliki pengalaman dalam bidang berkaitan;
- 1.2.2 Pihak yang berminat hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai sebutharga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma yang ditetapkan boleh menyebabkan penyertaan dokumen Sebutharga ditolak;
- 1.2.3 Spesifikasi yang ditawarkan hendaklah sama seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebutharga ini **(Lampiran A)** atau lebih baik;

- 1.2.4 Kos bagi perkhidmatan ini hendaklah termasuk kos tenaga buruh, perlindungan insurans dan apa-apa kos yang terlibat dan berkaitan;
- 1.2.5 Harga Tawaran hendaklah diisi di dalam ruangan Jadual Harga (**Lampiran Q**) yang disediakan dan hendaklah disahkan dan ditandatangani dengan sempurna.

1.3 SYARAT – SYARAT SEBUTHARGA

1.3.1 Pemeriksaan

Penyebutharga disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak kerja dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak kerja, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara – cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak kerja dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebutharga. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Penyebutharga mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

1.3.2 Peraturan pelaksanaan perkhidmatan / bekalan / kerja

Perkhidmatan / Bekalan / Kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan – pelan, butir – butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga (Lampiran Q) dan syarat – syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan NAFAS Estates Sdn Bhd (NESB).

1.3.3 Ringkasan Sebutharga (Lampiran Q)

1.3.3.1 Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas jumlah harga perkhidmatan .

1.3.3.2 Harga – harga di dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos juruperunding bertauliah, pengangkutan, cukai, duti bayaran dan caj – caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sepenuhnya.

1.3.3.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan – bahan dan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh Perkhidmatan / Bekalan / Kerja.

1.4 Kegagalan dan PENAMATAN KONTRAK

NAFAS Estates Sdn Bhd (NESB) berhak membatalkan KONTRAK sekiranya Penyebutharga Yang Berjaya berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada NAFAS :

- 1.4.1 Gagal memulakan kerja dari tarikh mula kerja yang dinyatakan dalam Surat Lantikan tanpa sebab – sebab yang munasabah;
- 1.4.2 Gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- 1.4.3 Gagal memastikan kerahsiaan isi kandungan Surat Lantikan kepada pihak yang tidak berkepentingan;
- 1.4.4 Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa – apa sebab munasabah;
- 1.4.5 Apabila syarikat digulungkan (*winding up*);
- 1.4.6 Apabila perunding sebagai “*sole proprietorship*” diisytiharkan bankrap atau muflis;
- 1.4.7 Terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan/atau kepentingan NAFAS/ NAFAS Estates Sdn Bhd (NBSB).

1.5 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 1.5.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694);
- 1.5.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. (Akta 694);
- 1.5.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau

pembekal boleh diambil sekiranya mana-mana pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. (Akta 694); dan

- 1.5.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada projek dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. (Akta 694).

1.6 SPESIFIKASI

- 1.6.1 Kontraktor / pembekal perlu menjalankan **KERJA-KERJA KONTRAK DI LADANG SUNGAI KARAP, LOT 1, BLOK 24, SUNGAI KARAP, PUYUT LAND DISTRICT BARAM, 98050 MIRI, SARAWAK MULAI 01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024** mengikut tatacara “Good Agriculture Practices”; dan
- 1.6.2 NESB **tidak akan melayan tuntutan** bagi **bayaran tambahan harga** akibat dari perbezaan antara tafsiran Penyebutharga dengan tafsiran NESB mengenai penentuan spesifikasi teknikal.

1.7 PRESTASI PERKHIDMATAN

- 1.7.1 Pihak yang berminat adalah bertanggungjawab bagi segala prestasi dan jaminan ke atas bekalan yang dibekalkan berdasarkan pengakuan yang telah dimasukkan ke dalam Sebutharga.

1.8 KONTRAK

- 1.8.1 Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen atau di mana-mana jadual yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen Sebutharga ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara NESB dan Pihak Yang Berjaya. Pihak Yang Berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan pihak NESB dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak;
- 1.8.2 NESB mempunyai hak untuk **menamatkan kontrak pada bila-bila masa** apabila Pihak Yang Berjaya, **gagal memenuhi obligasi kontrak** mengikut perjanjian;

- 1.8.3 Semua kuasa, obligasi dan hak pihak-pihak akan berakhir apabila Kontrak ini ditamatkan dengan syarat bahawa penamatan Kontrak ini tidak akan melepaskan pihak-pihak daripada sebarang obligasi atau pelanggaran yang terjadi sebelum penamatan termasuk tanpa had, semua obligasi pembayaran yang masih terakru di bawah Kontrak ini;
- 1.8.4 Pihak NAFAS atau NESB berhak **menamatkan Kontrak** ini sekiranya terdapat maklumat mengenai Kontrak tersebut **dari masa ke semasa**;
- 1.8.5 Kontrak NAFAS kepada NESB sekiranya terbatal atau terubur bagi perkhidmatan ini, maka turut terbatal bersama kontraktor / pembekal yang telah dilantik;
- 1.8.6 Penamatan kontrak / pesanan pembelian boleh dilakukan tanpa sebarang sebab notis awal dan boleh ditamatkan pada bila – bila masa. Maka, pihak kontraktor / pembekal tidak boleh menuntut apa-apa ganti rugi atas kontrak ini; dan
- 1.8.7 Operasi perkhidmatan adalah mengikut keperluan NAFAS / NESB.

1.9 PEMBAYARAN

- 1.9.1 Pembayaran bagi perkhidmatan ini akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM);
- 1.9.2 NESB berhak (apabila perlu) mengeluarkan apa-apa bahagian perkhidmatan yang terkandung dalam dokumen Sebutharga ini dan Pihak yang Berjaya hanya berhak menuntut pembayaran bagi perkhidmatan yang dijalankan Sahaja;
- 1.9.3 Pembayaran perlu dibuat dalam tempoh **yang dipersetujui di antara NESB dan Pihak Yang Berminat** selepas tempoh penyerahan dokumentasi berkaitan dengan lengkap tertakluk kepada pengesahan prestasi dan kualiti perkhidmatan oleh pihak NESB; dan
- 1.9.4 Pihak Yang Berjaya perlu mengemukakan inbois berdasarkan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan di dalam perjanjian kontrak untuk proses bayaran. Jumlah yang tercatat di dalam kontrak adalah jumlah maksimum dan jumlah sebenar akan ditentukan oleh kualiti/kuantiti perkhidmatan yang disediakan (termasuk pemotongan di atas ketidakpatuhan kontrak, jika berkaitan). Sekiranya perkhidmatan yang dibekalkan adalah kurang dari jumlah yang termaktub dalam

Sebutharga maka bayaran adalah mengikut kuantiti sebenar yang dibekalkan berdasarkan pada inbois.

1.10 PERTANYAAN

1.10.1 Penyebutharga yang memerlukan sebarang penjelasan mengenai dokumen Sebutharga dan pertanyaan boleh merujuk kepada:

NAFAS Estates Sdn Bhd

Nama : i. Mohd Bukhari Bin Jusoh
ii. Anuar Bin Ali
iii. Nur Fazrina Binti Hakim
No. Tel : 03-6144 1200
E-Mel : nesb@nafas.com.my/ bukhari@nafas.com.my/
anuarali@nafas.com.my/ fazrina@nafas.com.my

Hal-Hal Berkaitan Perolehan

Nama : i. Mohamad Hafiz Bin Zakaria
ii. Noor Nadia Binti Mohamed isa
iii. Airin Nurshamimi Shazlin Binti Rosli
No. Tel : 03-6144 1200
E-Mel : perolehan@nafas.com.my

**BORANG RINGKASAN SEBUT HARGA
LAMPIRAN Q**

No. Sebutharga :

NESB /BOP/SB/2023/010

NAFAS ESTATES SDN BHD**SEBUTHARGA UNTUK KERJA-KERJA KONTRAK DI LADANG SUNGAI KARAP, LOT 1,
BLOK 24, SUNGAI KARAP, PUYUT LAND DISTRICT BARAM, 98050 MIRI, SARAWAK
MULAI 01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024.**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

Kepada (Nama Syarikat) : Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh
NAFAS Estates Sdn Bhd
Lot 1, Jalan Teknologi 3/5
Taman Sains Selangor 1
Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, SELANGOR

No. Telefon : No. Telefon: **03-6144 1200**

Tarikh Pelawaan : **6 November 2023**

Tarikh Tutup : **27 November 2023**

1. Sila beri Sebutharga untuk perkhidmatan / kerja yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan: **(Rujuk Arahan kepada Penyebutharga)**

1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan Dikehendaki: **Selewat-lewatnya Pada 27 November 2023 (Isnin), jam 12:00 tengahari**

1.3 Arahan Penghantaran: **NAFAS Estates Sdn Bhd**
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)
Lot 1, Jalan Teknologi 3/5, Taman Sains Selangor 1
Kota Damansara
47810, Petaling Jaya, SELANGOR

Email: nesb@nafas.com.my

- 1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu Sampul Berlakri dan bertanda nombor Sebutharga: NESB /BOP/SB/2023/010.

Sebutharga **Hendaklah Di masukkan Ke Dalam Peti Tawaran Yang Berkenaan Di Alamat Seperti Berikut Tidak Lewat 27 November 2023 (Isnin), jam 12:00 tengahari atau melalui email :**

**NAFAS Estates Sdn Bhd
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)
Lot 1, Jalan Teknologi 3/5, Taman Sains Selangor 1
Kota Damansara
47810, Petaling Jaya, SELANGOR**

ATAU

Email: nesb@nafas.com.my

- 1.5 Tempoh Sah Laku SebutHarga: **120** hari selepas tarikh tutup sebut harga.

Tarikh : **27 November 2023** Tandatangan : **t.t**
Nama : **Mohd Bukhari bin Jusoh**
Pegawai
Jawatan : **Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif**

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION: NORTH

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)		CADANGAN KADAR UPAH PER MT	JUMLAH
				RM	RM
1	MENUAI	3,940	MT		
2	ANGKUTAN DALAM	3,940	MT		
JUMLAH KESELURUHAN (A)					

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION: NORTH

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)		CADANGAN KADAR UPAH PER HEKTAR	JUMLAH
				RM	RM
MERUMPAI:					
3	a) Bulatan / Lorong Tuai b) Lalang (3 PUSINGAN)	549.40	HEKTAR		
4	Meracun Anai - Anai (2 PUSINGAN)	549.40	HEKTAR		

5	Meracun Tikus (3 PUSINGAN)	549.40	HEKTAR		
6	Meracun Tirathaba (2 PUSINGAN)	549.40	HEKTAR		
7	MEMBAJA (3 PUSINGAN)	549.40	HEKTAR		
JUMLAH KESELURUHAN (B)					

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION: NORTH

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)		CADANGAN KADAR UPAH PER POKOK / HEKTAR / METER	JUMLAH
				RM	RM
MENCANTAS:					
8	a) Mencantas Pelepah Keseluruhan Pokok Kelapa sawit Bertanam	a) Pokok Kritikal : 12,500 pokok b) Pokok Biasa : 22,000 pokok	POKOK	a) Pokok Kritikal: b) Pokok Biasa:	a) Pokok Kritikal: b) Pokok Biasa:

	b) Mencantas Pelepah Sepanjang Jalan Utama & Jalan Kumpul	a) Jalan Utama : 220 METER b) Jalan Kumpul : 1,370 METER	METER	a) Jalan Utama: b) Jalan Kumpul:	a) Jalan Utama: b) Jalan Kumpul:
9	MENEBAS RUMPUT (SLASHING)	123.72	HEKTAR	a) Kawasan Kritikal:	a) Kawasan Kritikal:
JUMLAH KESELURUHAN (C)					

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION: HOME

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)		CADANGAN KADAR UPAH PER MT	JUMLAH
				RM	RM
1	MENUAI	4,830	MT		
2	ANGKUTAN DALAM	4,830	MT		
JUMLAH KESELURUHAN (A)					

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION: HOME

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)		CADANGAN KADAR UPAH PER HEKTAR	JUMLAH
				RM	RM
MERUMPAI:					
3	a) Bulatan / Lorong Tuai b) Lalang (3 PUSINGAN)	732.50	HEKTAR		
4	Meracun Anai - Anai (2 PUSINGAN)	732.50	HEKTAR		

5	Meracun Tikus (3 PUSINGAN)	732.50	HEKTAR	
6	Meracun Tirathaba (2 PUSINGAN)	732.50	HEKTAR	
7	MEMBAJA (3 PUSINGAN)	732.50	HEKTAR	
JUMLAH KESELURUHAN (B)				

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION: HOME

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)		CADANGAN KADAR UPAH PER POKOK / HEKTAR / METER	JUMLAH
				RM	RM
MENCANTAS:					
8	a) Mencantas Pelepah Keseluruhan Pokok Kelapa sawit Bertanam	a) Pokok Kritikal: 6,500 pokok b) Pokok Biasa: 39,000 pokok	POKOK	a) Pokok Kritikal: b) Pokok Biasa:	a) Pokok Kritikal: b) Pokok Biasa:

	b) Mencantas Pelelah Sepanjang Jalan Utama & Jalan Kumpul	a) Jalan Utama: 290 METER b) Jalan Kumpul: 1,830 METER	METER	a) Jalan Utama: b) Jalan Kumpul:	a) Jalan Utama: b) Jalan Kumpul:
JUMLAH KESELURUHAN (C)					

CONFIDENTIAL

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION: KARAP

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)		CADANGAN KADAR UPAH PER MT	JUMLAH
				RM	RM
1	MENUAI	2,340	MT		
2	ANGKUTAN DALAM	2,340	MT		
JUMLAH KESELURUHAN (A)					

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION: KARAP

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)	CADANGAN KADAR UPAH PER HEKTAR	JUMLAH
			RM	RM
MERUMPAI:				
3	a) Bulatan / Lorong Tuai b) Lalang (3 PUSINGAN)	501.86	HEKTAR	
4	Meracun Anai - Anai (2 PUSINGAN)	501.86	HEKTAR	

5	Meracun Tikus (3 PUSINGAN)	501.86	HEKTAR		
6	Meracun Tirathaba (2 PUSINGAN)	501.86	HEKTAR		
7	MEMBAJA (3 PUSINGAN)	501.86	HEKTAR		
JUMLAH KESELURUHAN (B)					

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION: KARAP

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)		CADANGAN KADAR UPAH PER POKOK / HEKTAR / METER	JUMLAH
				RM	RM
MENCANTAS:					
8	a) Mencantas Pelepah Keseluruhan Pokok Kelapa sawit Bertanam	a) Pokok Kritikal: 12,600 pokok	POKOK	a) Pokok Kritikal:	a) Pokok Kritikal:

	b) Mencantas Pelepah Sepanjang Jalan Utama & Jalan Kumpul	a) Jalan Utama: 200 METER b) Jalan Kumpul: 1,250 METER	METER	a) Jalan Utama: b) Jalan Kumpul:	a) Jalan Utama: b) Jalan Kumpul:
9	MENEBAS RUMPUT (SLASHING)	117.47	HEKTAR	a) Kawasan Kritikal:	a) Kawasan Kritikal:
JUMLAH KESELURUHAN (C)					

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION: SOUTH

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)		CADANGAN KADAR UPAH PER MT	JUMLAH
				RM	RM
1	MENUAI	890	MT		
2	ANGKUTAN DALAM	890	MT		
JUMLAH KESELURUHAN (A)					

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION: SOUTH

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)		CADANGAN KADAR UPAH PER HEKTAR	JUMLAH
				RM	RM
MERUMPAI:					
3	a) Bulatan / Lorong Tuai b) Lalang (3 PUSINGAN)	446.70	HEKTAR		
4	Meracun Anai - Anai (2 PUSINGAN)	446.70	HEKTAR		

5	Meracun Tikus (3 PUSINGAN)	446.70	HEKTAR		
6	Meracun Tirathaba (2 PUSINGAN)	446.70	HEKTAR		
7	MEMBAJA (3 PUSINGAN)	446.70	HEKTAR		
JUMLAH KESELURUHAN (B)					

PERKHIDMATAN DAN SKOP KERJA LADANG SUNGAI KARAP

LAMPIRAN Q

DIVISION : SOUTH

BIL	SKOP KERJA	UNJURAN (JAN 2024 - DIS 2024)		CADANGAN KADAR UPAH PER POKOK / HEKTAR / METER	JUMLAH
				RM	RM
MENCANTAS:					
8	a) Mencantas Pelepah Keseluruhan Pokok Kelapa sawit Bertanam	a) Pokok Kritikal: 33,000 pokok	POKOK	a) Pokok Kritikal:	a) Pokok Kritikal:

	b) Mencantas Pelepah Sepanjang Jalan Utama & Jalan Kumpul	a) Jalan Utama: 180 METER b) Jalan Kumpul: 1,110 METER	METER	a) Jalan Utama: b) Jalan Kumpul:	a) Jalan Utama: b) Jalan Kumpul:
9	MENEBAS RUMPUT (SLASHING)	446.70	HEKTAR	a) Kawasan Kritikal:	a) Kawasan Kritikal:
JUMLAH KESELURUHAN (C)					

RUMUSAN LAMPIRAN Q			
JUMLAH KESELURUHAN BAGI SETIAP <i>DIVISION</i>			
BIL	<i>DIVISION</i>	BAHAGIAN	JUMLAH (RM)
1	<i>NORTH</i>	A	
		B	
		C	
JUMLAH KESELURUHAN <i>NORTH DIVISION</i> (RM)			
2	<i>HOME</i>	A	
		B	
		C	
JUMLAH KESELURUHAN <i>HOME DIVISION</i> (RM)			
3	<i>KARAP</i>	A	
		B	
		C	
JUMLAH KESELURUHAN <i>KARAP DIVISION</i> (RM)			
4	<i>SOUTH</i>	A	
		B	
		C	
JUMLAH KESELURUHAN <i>SOUTH DIVISION</i> (RM)			
JUMLAH KESELURUHAN BAGI SEMUA <i>DIVISION</i> (RM) (North+Home+Karap+South)			

Lampiran Q-2

Nota:

- i. Tempoh siap kerja adalah selama 12 bulan.
- ii. Tawaran harga adalah tetap dan tiada sebarang pindaan selepas tarikh tutup sebutharga **27 November 2023 (Isnin)**.

Saya/Kami dengan ini menawar bagi perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebutharga : _____

Nama dan K/P : _____

Alamat Syarikat : _____

No. Telefon : _____

Tarikh : _____

Cop Syarikat

Cop Syarikat

:

Mustahak – Lihat Syarat - Syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. TENDER/SEBUTHARGA SEBAHAGIAN

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. PERSETUJUAN

NAFAS / NESB tidak terikat untuk setuju terima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga ; dan (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu Sebutharga yang berasingan.

5. PEMERIKSAAN

(i) NAFAS / NESB sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan/perkhidmatan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan/perkhidmatan tersebut; dan

(ii) PENYEBUTHARGA hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

6. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

7. PENOLAKAN

(i) Barang/kerja yang rendah mutunya atau perkhidmatan yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

(ii) Apabila diminta, Penyebutharga hendaklah menyebabkan barang/ kerja yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri,

dan ia hendaklah membayar balik kepada NAFAS / NESB segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

(iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak NAFAS / NESB untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

8. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana Sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

9. TAFSIRAN

Tender / Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Penyebutarga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Tender ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

10. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam Tender / Sebutharga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN
MALAYSIA
(Jika Ada)**

11. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

12. PEMBUNGKUSAN

(i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

(ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

13. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA (Jika ada)

14. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

15. MATA WANG

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

16. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh Penyebutharga .

LAMPIRAN A

Jadual Spesifikasi Skop Kerja Perkhidmatan

Keterangan spesifikasi yang ditetapkan adalah spesifikasi minimum. Pihak yang berminat dikehendaki menyatakan “Ya” / “Tidak” dalam ruangan **PATUH**. Semua item adalah **MANDATORI**.

BIL.	SPESIFIKASI SKOP KERJA	PATUH (YA / TIDAK)	SPESIFIKASI PENYEBUT HARGA / CATATAN
1.0	SPESIFIKASI KERJA PENUAIAN BUAH TANDAN SEGAR (BTS)		
1.1	Kontraktor dikehendaki menyediakan bilangan tenaga kerja yang mencukupi, alat - alat kelengkapan seperti pahat, sabit, kereta sorong, besi “loading”, parang dan lain-lain peralatan yang mencukupi untuk melaksanakan kerja penuaian BTS dengan perbelanjaan sendiri;		
1.2	Pihak kontraktor digalakkan menggunakan tenaga kerja mahir dan terdiri daripada pekerja tempatan. Sekiranya terpaksa menggunakan tenaga kerja asing (Indonesia, Bangladesh, Nepal dan lain-lain), kontraktor dikehendaki memastikan pekerja-pekerja tersebut mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia;		
1.3	Kontraktor dikehendaki memastikan pekerja di bawah mereka mestilah bebas dari pengaruh alkohol / dadah atau lain -lain yang boleh membahayakan keselamatan dirinya dan orang lain;		
1.4	Kontraktor perlu memastikan pekerja mereka sentiasa dibekalkan dan menggunakan alat pelindung keselamatan (PPE) semasa dan selepas kerja-kerja menuai BTS dijalankan;		
1.5	Kontraktor dikehendaki memastikan pekerja kontrak mereka hadir setiap hari ke “muster ground” ladang untuk diambil kedatangan dan mendengar sebarang taklimat atau teguran;		
1.6	Kontraktor perlu memastikan parameter-parameter berikut dipatuhi semasa menjalankan kerja-kerja menuai BTS.		

	Antaranya adalah:																																					
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Parameter</th> <th>Kriteria</th> <th>% dibenarkan</th> <th>Denda dikenakan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Tandan muda</td> <td>Tiada biji gugur</td> <td>0%</td> <td>Ditolak harga bagi setiap tandan muda yang dituai</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Tandan mengkal</td> <td>< 5 biji gugur</td> <td><5%</td> <td></td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Tandan masak</td> <td>> 5 biji gugur</td> <td>>95%</td> <td></td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Tandan kosong</td> <td>Tiada biji pada tandan</td> <td>0%</td> <td></td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Tangkai panjang</td> <td>> 5cm</td> <td>0%</td> <td></td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>Tandan buruk/lama</td> <td>> 48 jam</td> <td>0%</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Parameter	Kriteria	% dibenarkan	Denda dikenakan	1.	Tandan muda	Tiada biji gugur	0%	Ditolak harga bagi setiap tandan muda yang dituai	2.	Tandan mengkal	< 5 biji gugur	<5%		3.	Tandan masak	> 5 biji gugur	>95%		4.	Tandan kosong	Tiada biji pada tandan	0%		5.	Tangkai panjang	> 5cm	0%		6.	Tandan buruk/lama	> 48 jam	0%			
Bil.	Parameter	Kriteria	% dibenarkan	Denda dikenakan																																		
1.	Tandan muda	Tiada biji gugur	0%	Ditolak harga bagi setiap tandan muda yang dituai																																		
2.	Tandan mengkal	< 5 biji gugur	<5%																																			
3.	Tandan masak	> 5 biji gugur	>95%																																			
4.	Tandan kosong	Tiada biji pada tandan	0%																																			
5.	Tangkai panjang	> 5cm	0%																																			
6.	Tandan buruk/lama	> 48 jam	0%																																			
1.7	Pelepah sawit mestilah dipangkas rapat ke batang pokok sawit. Ini bagi mengelakkan biji lerai dari BTS yang dituai tidak tersangkut pada baki pangkal pelepah yang dipotong. Sekiranya terdapat biji lerai yang tersangkut pada pangkal pelepah, ianya mesti diturunkan menggunakan pahat, sabit ataupun besi "loading";																																					
1.8	Semua biji lerai pada pangkal pokok dan lorong tuai mesti dikutip menggunakan beg dan dibawa keluar ke platform;																																					
1.9	Penuai BTS mesti memastikan pelepah sawit yang telah dipotong, dikerat kepada 2 bahagian menggunakan parang dan disusun ditempat susunan pelepah yang ditetapkan;																																					
1.10	Semua tangkai BTS masti dipotong pendek menggunakan parang atau kapak;																																					

1.11	Semua BTS yang dibawa ke platform hendaklah disusun dalam bilangan 5 tandan bagi setiap longgok bagi tujuan pengiraan tandan dan pemeriksaan kualiti BTS oleh pegawai ladang;		
1.12	Kontraktor mesti memastikan pusingan tuai adalah diantara 12 ke 15 hari bagi setiap kawasan tuai bagi mengelakkan peningkatan kuantiti buah lebih masak, banyak biji gugur yang seterusnya mengurangkan berat BTS. Kontraktor juga perlu memastikan ketika "peak crop" kerja lebih masa seperti bekerja hingga lewat petang, bekerja waktu hari cuti dipraktikkan kepada pekerja mereka selain menambahkan jumlah bilangan penuai. Pihak ladang dikehendaki membawa penuai tambahan sebagai usaha meningkatkan "crop recovery" ketika "peak crop" dan sebarang kos tambahan akibat penambahan pekerja yang dilakukan oleh pihak ladang perlu ditanggung oleh kontraktor;		
1.13	Kontraktor dikehendaki sentiasa berada di tempat kerja untuk mengawasi kerja-kerja yang dijalankan serta sentiasa mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh pihak pengurusan;		
1.14	Kontraktor diwajibkan menyediakan laporan kerja untuk dikepilkkan bersama inbois setiap kali melaksanakan kerja-kerja menuai dan akan disahkan oleh pihak ladang / pengurusan NESB; dan		
1.15	Pembayaran akan hanya dibuat setelah kerja-kerja menuai diperakui siap oleh pihak ladang / pengurusan NESB.		
2.0	SPEKIFIKASI KERJA ANGKUTAN DALAMAN BTS (INTERNAL TRANSPORT)		
2.1	Kontraktor dikehendaki menyediakan bilangan tenaga kerja (pemandu dan kelindan), jentera / kenderaan sendiri, alat – alat kelengkapan seperti besi "loading", pungkis, pencakar biji lerai dan lain-lain peralatan yang mencukupi untuk melaksanakan kerja mengangkut BTS di platform ke ramp pengumpulan BTS ladang dengan perbelanjaan sendiri;		
2.2	Pihak kontraktor digalakkan menggunakan tenaga kerja mahir dan terdiri daripada pekerja tempatan. Sekiranya terpaksa		

	menggunakan tenaga kerja asing (Indonesia, Bangladesh, Nepal dan lain-lain), kontraktor dikehendaki memastikan pekerja-pekerja tersebut mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia;		
2.3	Kontraktor dikehendaki memastikan pemandu lori mestilah bebas dari pengaruh alkohol / dadah atau lain -lain yang boleh membahayakan keselamatan dirinya dan orang lain;		
2.4	Kontraktor perlu memastikan pekerja mereka sentiasa dibekalkan dan menggunakan alat pelindung keselamatan (PPE) seperti helmet, <i>safety boot</i> , sarung tangan dan lain-lain sekiranya perlu sepanjang kerja-kerja mengangkut BTS dijalankan;		
2.5	Kontraktor dikehendaki memastikan pekerja kontrak mereka hadir setiap hari ke “muster ground” ladang untuk diambil kedatangan dan mendengar sebarang taklimat atau teguran;		
2.6	Pemandu atau kelindan kontrak hanya dibenarkan mengangkut BTS di platform yang sudah dikira jumlah tandan dan dilakukan pemeriksaan kualiti BTS oleh pegawai ladang;		
2.7	Pemandu atau kelindan kontrak mesti memastikan hanya BTS yang berkualiti dan sudah diperiksa sahaja diangkut naik ke dalam trailer. BTS yang diasingkan seperti tandan muda, tandan kosong dan tandan buruk ditinggalkan di platform dan tidak diangkut bersama-sama tandan yang baik ke dalam trailer;		
2.8	Kuantiti BTS atau jumlah berat BTS yang diangkut mestilah diparas optimum yang dibenarkan oleh pihak ladang bagi mengelakkan kejadian seperti BTS jatuh dari trailer, kerosakan pada traktor dan trailer mahupun jalan menjadi rosak akibat lebih muatan. Pihak pengurusan tidak bertanggungjawab sekiranya angkutan dalam tidak mematuhi peraturan yan telah ditetapkan. Segala kos perbelanjaan dibawah kontraktor;		
2.9	Traktor atau lori yang sudah penuh dengan muatan BTS perlu mendapatkan nota angkutan (despatch chit) daripada Mandor atau Penyelia Ladang dan ditandatangani sebelum BTS dibawa		

	ke tempat penimbang. Rekod seperti tarikh angkutan BTS, No. Blok, bilangan tandan, anggaran purata berat tandan mengikut blok penuaian dan anggaran berat muatan dengan BTS bagi setiap trip BTS yang diangkut. Bagi Ladang yang mempunyai tempat penimbang (weighbridge), setiap trip traktor atau lori yang membawa BTS dari dalam blok mestilah ditimbang untuk mendapatkan berat dengan muatan (gross weight);		
2.10	Traktor atau lori yang sudah ditimbang akan menghantar terus BTS ke ramp untuk kerja-kerja pengredan BTS di ramp sebelum BTS diangkut ke atas lori untuk dibawa ke kilang atau ramp luar. Pemandu dikehendaki menyerahkan nota angkutan (dispatch chit) kepada pekerja ramp untuk simpanan rekod BTS di ramp;		
2.11	Pemandu traktor atau lori hendaklah memastikan kesemua BTS dituang keluar ke dalam ramp sebelum bergerak semula tempat penimbang bagi mendapatkan berat sebenar;		
2.12	Selepas melakukan timbangan kedua di tempat penimbang, sekurang-kurangnya 3 salinan timbangan akan dikeluarkan iaitu, berat dengan muatan (gross weight), berat tanpa muatan (empty weight) dan berat sebenar BTS (net weight). Pihak Kontraktor dikehendaki menyimpan 1 rekod untuk semakan semasa pembayaran kerja mengangkut BTS dibuat kelak. 2 lagi rekod adalah untuk simpanan pejabat dan kerani ladang;		
2.13	Traktor atau lori boleh mengangkut BTS bagi trip berikutnya sepertimana yang telah diarahkan oleh Penyelia Ladang;		
2.14	Kontraktor dikehendaki sentiasa berada di tempat kerja untuk mengawasi kerja-kerja yang dijalankan serta sentiasa mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh pihak pengurusan;		
2.15	Kontraktor diwajibkan menyediakan laporan kerja untuk dikepilkan bersama inbois setiap kali melaksanakan kerja-kerja angkutan dalam dan akan disahkan oleh pihak ladang / pengurusan NESB; dan		

2.16	<p>Pembayaran akan hanya dibuat setelah kerja-kerja angkutan dalam diperakui siap oleh pihak ladang / pengurusan NESB. Sekiranya terdapat penggunaan yang dibekalkan oleh pihak ladang / pengurusan NESB seperti diesel dan lain-lain akan dipotong dari jumlah bayaran keseluruhan bagi setiap inbois tuntutan sepertimana dicatatkan di dalam Surat Lantikan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu kontraktor dan pengurusan NESB.</p>		
2.17	<p>Penggunaan jentera atau kenderaan milik NESB hendaklah dibuat melalui permohonan daripada kontraktor kepada NESB secara bertulis. Sekiranya mendapat kelulusan kos-kos berkaitan jentera atau kenderaan tersebut seperti mana yang berikut adalah dibawah tanggungjawab kontraktor;</p> <p>2.17.1 Bahan api termasuk diesel, minyak enjin, minyak hidraulik dan sebagainya;</p> <p>2.17.2 Bertanggungjawab kepada semua kos pembaikan atau penyelenggaraan jentera atau kenderaan; dan</p> <p>2.17.3 Sebarang kos tambahan yang akan dikenakan oleh Pihak NESB seperti kos sewa dan sebagainya.</p>		
3.0	SPESIFIKASI KERJA MERACUN		
3.1	<p>Kontraktor dikehendaki menyediakan bilangan tenaga kerja, pembekalan racun, alat-alat kelengkapan kerja seperti pam racun dan lain-lain yang mencukupi untuk melaksanakan kerja dengan perbelanjaan sendiri;</p>		
3.2	<p>Pihak kontraktor digalakkan menggunakan tenaga kerja mahir dan terdiri daripada pekerja tempatan. Sekiranya terpaksa menggunakan tenaga kerja asing (Indonesia, Bangladesh, Nepal dan lain-lain), kontraktor dikehendaki memastikan pekerja-pekerja tersebut mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia;</p>		
3.3	<p>Kontraktor dikehendaki memastikan pekerja di bawah mereka mestilah bebas dari pengaruh alkohol / dadah atau lain -lain yang boleh membahayakan keselamatan dirinya dan orang lain;</p>		

3.4	Kontraktor perlu memastikan pekerja mereka sentiasa dibekalkan dan menggunakan alat pelindung keselamatan (PPE) sepanjang kerja-kerja meracun rumpai dijalankan;		
3.5	Kontraktor dikehendaki memastikan pekerja kontrak mereka hadir setiap hari ke “muster ground” ladang untuk diambil kedatangan dan mendengar sebarang taklimat atau teguran;		
3.6	Kontraktor hanya dibenarkan memulakan kerja-kerja meracun rumpai setelah mendapat maklumat dari pihak ladang mengenai status kawasan yang perlu diracun, jenis rumpai, pemilihan racun rumpai yang disarankan serta menggunakan pam racun yang betul;		
3.7	Pam racun perlulah diperiksa dan kalibrasi racun rumpai mengikut kadar yang sepatutnya perlu dilakukan dengan tepat sebelum kerja meracun dimulakan. Pegawai ladang akan memantau proses kalibrasi racun sebelum kerja-kerja meracun dibenarkan;		
3.8	Luas kawasan meracun bagi kerja-kerja meracun bulatan pokok sawit mestilah dalam “radius” >2m dari pangkal pokok sawit;		
3.9	Luas kawasan meracun lorong tuai pula bergantung kepada jenis “terrain” iaitu samada di “flat area” ataupun di kawasan “terrace”;		
3.10	Bagi “flat area” luas kawasan meracun lorong tuai adalah di sepanjang lorong tuai iaitu panjang lorong dari jalan kumpul (collection roads) sehingga ke tepi parit kumpul (collection drains) dan lebar lorong tuai antara 2 “stacking row” bersebelahan atau antara “stacking row” dengan parit ladang (subsidiary drains) bersebelahan;		
